

Perkhidmatan kerajaan dalam talian sepenuhnya kini capai 57.02 peratus

Tuty Haryanti Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my
August 19, 2021 @ 12:18pm



Khidmat dalam talian bagi perkhidmatan kerajaan kini semakin meluas. Gambar hiasan.

KUALA LUMPUR: Perkhidmatan kerajaan dalam talian sepenuhnya atau 'end-to-end' (E2E) bagi memberikan perkhidmatan lebih baik kepada rakyat, sehingga Julai lalu sudah mencapai tahap 57.02 peratus.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali, berkata berdasarkan rangka kerja MyDigital, kerajaan menetapkan sasaran 80 peratus menjelang 2025 bagi perkhidmatan sedemikian.

Katanya, antara objektif pendigitalan kerajaan adalah untuk meningkatkan jumlah ataupun peratus perkhidmatan secara dalam talian sepenuhnya dari mula hingga akhir, pada bila-bila masa dan di mana-mana tanpa perlu berurusan secara bersemuka.

"E2E akan menambah baik dan meningkatkan kecekapan serta keberkesanan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Malah urusan sedemikian lebih mudah, cepat, selesa serta tiada had masa.

"Justeru sebagai pendekatan untuk memberi nilai tambah dan memperkasakan lagi penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan dan meningkatkan kecekapan tadbir urus dalaman agensi, kerajaan bersetuju untuk menetapkan penambahan lima peratus daripada perkhidmatan E2E semasa sebagai Indeks Prestasi Utama (KPI) 2021 Tier-1 bagi penjawat utama perkhidmatan awam," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis pelancaran Persidangan Digital Sektor Awam 2021 (PDiSA) secara maya menerusi laman sosial Facebook Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) Jabatan Perdana Menteri, hari ini.

Mengenai persidangan dengan tema Norma Baharu Pendigitalan: Memperkasakan Perkhidmatan Berpaksikan Rakyat, Mohd Zuki berkata, senario dan cabaran semasa serta trend global memerlukan perubahan dalam memberikan perkhidmatan kepada rakyat supaya perkhidmatan awam terus diyakini dan dihormati selain kekal relevan.

Bagaimanapun katanya, ketika ini perkhidmatan awam berada di tahap yang cukup kritikal untuk menggalas amanah dan tanggungjawab yang diberikan.

"Apatah lagi dalam keadaan terkini, di mana negara berada dalam situasi perubahan kepimpinan, para penjawat awamlah yang harus bertindak memastikan segala perancangan dan dasar yang dibuat, terus dilaksanakan dengan efisien dan pantas.

"Pada masa kini, kita bukan sahaja berdepan dengan cabaran menguruskan pandemik COVID-19 yang memerlukan usaha kolektif untuk mengatasinya, bahkan juga isu-isu rantaian yang memerlukan penyelesaian secara strategik daripada semua pihak," katanya.

Beliau berkata, ketika ini pendigitalan kerajaan menjadi agenda nasional keutamaan dalam mendepani senario semasa.

"Malah Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PSPSA) 2021-2025 yang disediakan turut menggariskan hala tuju strategik pelaksanaan pendigitalan sektor awam untuk tempoh lima tahun sebagai panduan kepada agensi sektor awam.

"Saya berharap PDiSA ini akan menjadi titik permulaan dalam usaha untuk menjayakan agenda pendigitalan kerajaan," katanya.

Sementara itu, Ketua Pengarah MAMPU, Datuk Seri Dr Yusof Ismail, berkata persidangan yang diadakan kali pertama secara maya itu adalah kesinambungan daripada Persidangan Chief Information Officers (CIO) pada tahun 2000 sebelum dijenamakan kepada PDiSA.

Katanya, objektif persidangan itu adalah menyediakan platform perkongsian idea berkaitan keadaan semasa dan arah terkini teknologi bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan kerajaan yang berpaksikan rakyat.

"Selain itu, persidangan ini dapat mengarus perdana konsep kerajaan digital serta menjalinkan peluang kerjasama strategik agensi kerajaan, akademik dan sektor swasta," katanya.

Beliau berkata, fokus persidangan kali ini adalah integrasi merentasi agensi yang dipacu oleh data dan didorong oleh keperluan rakyat serta menyumbang kepada daya saing negara di peringkat global.

Antara tajuk perbincangan dalam persidangan yang diadakan selama sehari itu termasuk Meneroka Masa Depan Digital: Perubahan Landskap Digital Dalam Ekosistem Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan.